

Pangsapuri punca rugi RM200,000

KUALA LUMPUR: Hujan dianggap rahmat, namun tidak bagi kontraktor, Koh Tip Pee, 51, apabila rumahnya dilanda banjir setiap kali hujan sejak empat tahun lalu hingga menyebabkan beliau sekeluarga menanggung kerugian hampir RM200,000.

Koh mendakwa banjir itu disebabkan pembinaan sebuah pangsapuri di hadapan rumahnya di Jalan Ayer Madu, Setapak, di sini selain saluran longkang yang tidak sistematik dan sampah yang sering tersumbat hingga menyukarkan lagi aliran air.

Beliau juga kesal kerana aduannya kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak pernah mendapat sebarang maklum balas walaupun 17 kali menghantar surat kepada empat jabatan berkenaan.

“Sejak Februari 2008, rumah saya mengalami banjir kerana pembinaan pangsapuri berkenaan. Sikap tidak bertanggungjawab pemaju dengan membina sistem saluran yang

tidak sistematik menjadi faktor utama kejadian ini.

“Sehingga kini, sudah 17 kali banjir di rumah saya dan kami sekeluarga menjadi tertekan dengan keadaan ini. Aduan saya kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Jabatan Kerja Awam dan Jabatan Kesihatan DBKL serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) tidak mendapat kerjasama baik daripada mereka.

“Pihak berkenaan menganggap masalah yang dihadapi saya sekeluarga seperti perkara remeh, se-

dangkan kami menanggung kerugian kira-kira RM200,000. Seharusnya, mereka turun padang dan mengarahkan pemaju memperbaiki saluran longkang dengan segera,” katanya ketika ditemui *Berita Harian*, di sini.

Koh berkata, beliau suka dengan pembangunan, namun ia perlu dilaksanakan secara betul, teratur dan tidak membebankan masyarakat setempat kerana mereka bukan saja kerugian harta, tetapi turut mengalami gangguan emosi.

Katanya, pihak terbabit perlu membantu menangani masalah berkenaan dengan segera kerana hanya kediamannya saja yang dilanda banjir dan kesihatan beliau sekeluarga terjejas setiap kali musibah itu berlaku.

“Setiap kali hujan, kami sekeluarga terpaksa mengambil langkah keselamatan dan menjadi tertekan kerana perlu membersihkan kawasan rumah. Kediaman saya mengalami banyak keretakan dan



Koh Tip Pee

kami sekeluarga juga pernah mengalami masalah cirit-birit seminggu selepas banjir kerana air yang kotor.

“DBKL seakan menutup mata dan lebih menjadi tanda tanya bagaimana Sijil Layak Menduduki (CF) boleh dikeluarkan kepada penghuni pangsapuri berkenaan, sedangkan pembinaan saluran longkang tidak menepati syarat yang ditetapkan,” katanya.

FAKTA NOMBOR

17
kali

Hantar surat aduan kepada
empat jabatan